GMP Kaisar Security (M) Sdn Bhd lwn Mohamad Amirul Amin bin Mohamed Amir

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN SIVIL NO P-02(NCvC)(W)-1556–08 TAHUN 2019
LAU BEE LAN, ABU BAKAR JAIS DAN GUNALAN MUNIANDY HHMR
30 SEPTEMBER 2021

Tort — Liabiliti vikarius — Majikan — Responden mendakwa perayu bertanggungan secara vikarius terhadap perbuatan salah pekerja — Sama ada perayu bertanggungan secara vikarius terhadap respondent — Sama ada Mahkamah Tinggi adalah betul dalam menentukan jumlah ganti rugi yang perlu dibayar perayu

Defendan pertama ialah pekerja yang diupah atau digajikan oleh perayu ('defendan kedua') berdasarkan kontrak perkhidmatan antara mereka. Defendan kedua telah menugaskan defendan pertama sebagai pengawal keselamatan peribadi kepada seorang individu yang dikenali sebagai Dato' Ong Teik Kwang. Untuk membolehkan defendan pertama melaksanakan tugasnya, defendan kedua telah membekalkan kepada defendan pertama dengan sepucuk pistol automatik. Pada 1 Disember 2016, defendan pertama telah menggunakan pistol tersebut dan menembak mati Dato' Ong Teik Kwang di dalam sebuah kereta. Selepas itu, defendan pertama telah turun dari kereta tersebut sambil melepaskan tembakan terhadap orang-orang awam yang melalui Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu di Pulau Pinang dan menyebabkan dua orang individu telah meninggal dunia dan empat orang cedera parah. Responden ('plaintif') sedang menunggang motosikal dengan rakannya sebagai pembonceng di tempat kejadian dan beliau ternampak satu kejadian seperti kemalangan jalanraya. Plaintif turun dari motosikalnya dan mendekati seorang individu yang disangka sebagai mangsa kemalangan jalanraya memandangkan badannya berlumuran darah. Mangsa tersebut berada dalam keadaan duduk di atas jalanraya. Defendan pertama sedang berdiri berhadapan dengan mangsa. Plaintif telah bertanya kepada defendan pertama apa yang telah berlaku. Tiba-tiba, defendan pertama telah mengeluarkan senjata api lalu melepaskan satu das tembakan ke bahagian dada plaintif. Plaintif jatuh di atas jalan dan mengalami cedera parah. Defendan pertama telah ditangkap oleh polis dan telah dituduh dengan kesalahan membunuh dan cubaan membunuh. Plaintif yang mengalami kecederaan dan kerugian akibat ditembak oleh defendan pertama mengatakan defendan kedua sebagai majikan defendan pertama adalah bertanggungan secara vikarius terhadap perbuatan salah defendan pertama. Plaintif menuntut ganti rugi am dan khas terhadap defendan kedua. Defendan kedua pula menafikan liabiliti. Pada masa yang

material juga, defendan kedua telah berkontrak dengan sebuah syarikat North Metal Sdn Bhd ('North Metal') untuk menyediakan perkhidmatan pengawal peribadi. Defendan pertama, sebagai pengawal peribadi yang bertauliah telah dipilih sendiri oleh North Metal untuk bertugas dengan mereka. North Metal sendiri yang telah secara khusus menetapkan defendan pertama sebagai pengawal peribadi kepada individu yang ditetapkannya. Hakim Mahkamah Tinggi ('HMT') telah membenarkan tuntutan plaintif terhadap defendan kedua. Oleh itu, rayuan ini oleh perayu.

Diputuskan, menolak rayuan:

(1) **(oleh Abu Bakar Jais HMR, majoriti)** Apabila defendan pertama enggan memberikan apa-apa keterangan di Mahkamah Tinggi, walaupun diberikan peluang untuk berbuat demikian, HMT telah dengan betul menerima keterangan plaintif dan pegawai penyiasat bahawa plaintif telah ditembak oleh defendan pertama. Defendan kedua merupakan majikan defendan pertama dan telah membayar gaji defendan pertama. Defendan kedua juga telah membekalkan pistol tersebut kepada defendan pertama. Dengan itu, tidak benar bahawa tanggungjawab berhati-hati defendan kedua telah berpindah atau diwakilkan kepada North Metal. Oleh itu, defendan kedua tidak seharusnya terlepas dari bertanggungan secara vikarius kerana perbuatan defendan pertama menembak plaintif (lihat perenggan 31 & 33).

(2) **(oleh Abu Bakar Jais HMR, majoriti)** Walaupun tiada perintah dibuat oleh Mahkamah Tinggi terhadap defendan pertama dan plaintif sendiri tidak memohon apa-apa perintah terhadap defendan pertama, ini tidak bermakna defendan kedua tidak boleh didapati bertanggungan secara vikarius. Juga adalah salah untuk dihujahkan bahawa tiada tanggungan boleh dipindahkan dari defendan pertama ke defendan kedua. Tanggungan liabiliti bukan dipindahkan dari defendan pertama ke defendan kedua. Tanggungan liabiliti secara vikarius terhadap defendan kedua sememangnya wujud apabila dibuktikan perbuatan salah defendan pertama iaitu menembak plaintif. Defendan pertama berkerja untuk defendan kedua. Oleh itu defendan pertama bukan kontraktor bebas. Tidak boleh dikatakan perbuatan defendan pertama menembak plaintif adalah di luar skop bidang tugasnya. Sememangnya defendan pertama tidak diperintahkan menembak plaintif tetapi perbuatan menembak itu berlaku adalah berkait rapat dengan kerjanya yang dibekalkan pistol tersebut. Juga tidak boleh dikatakan tiada tanggungan vikarius kerana defendan pertama bertindak secara 'frolic of his own'. Ini kerana perbuatan menembak plaintiff itu adalah berkait dengan tugas defendan pertama dan beliau menggunakan pistol yang dibekalkan kepadanya oleh defendan kedua. Adalah tidak benar untuk dihujahkan bahawa tugas berhati-hati dan tanggung jawab defendan kedua hanya terhadap pemilihan defendan pertama untuk pelanggan-pelanggan

mereka dan bukan pemilihan defendan pertama untuk orang awam. Ini tidak langsung konsisten dengan konsep atau undang-undang liabiliti vikarius. Walaupun jika benar sekalipun bahawa defendan kedua telah berhati-hati apabila berkontrak dengan defendan pertama, ini tidak bermakna tanggungan vikarius tidak boleh dikenakan terhadap defendan kedua. Hujahan bahawa Jabatan Keselamatan Dan Ketenteraman Awam di Kementerian Dalam Negeri telah mendapati bahawa defendan kedua tidak melakukan sebarang kesalahan terhadap insiden menembak plaintif tidak dapat membantu defendan kedua. Ini kerana Jabatan tersebut tidak menimbangkan sama ada defendan kedua bertanggungan secara vikarius atau tidak (lihat perenggan 35–42).

(3) **(oleh Abu Bakar Jais HMR, majoriti)** Tiada kecuaian sumbangan semata-mata kerana plaintif telah bertanya apa yang telah terjadi. Plaintif waktu itu tidak tahu bahawa defendan pertama telah menembak beberapa orang dan tindakan plaintif menanyakan apa yang telah terjadi adalah suatu perbuatan biasa yang boleh dilakukan oleh orang ramai yang prihatin terhadap sesuatu kejadian yang berlaku. HMT telah dengan betulnya mendapati defendan kedua bertanggungan secara vikarius terhadap perbuatan defendan pertama kerana telah memungkiri tugas hati-hati terhadap plaintif dan orang awam (lihat perenggan 43–44).

(4) **(oleh Abu Bakar Jais HMR, majoriti)** HMT adalah betul dalam menentukan jumlah ganti rugi yang perlu dibayar oleh defendan kedua. Bagi ganti rugi am ke atas kecederaan tubuh badan, penemuan fakta-fakta oleh HMT tidak seharusnya diganggu. HMT dengan betul telah membenarkan ganti rugi yang munasabah menurut beliau iaitu RM40,000. Bagi post traumatic stress disorder pula, HMT berhak memberikan jumlah ganti rugi yang munasabah pada pendapat beliau iaitu RM30,000. HMT juga telah dengan betul memberikan ganti rugi khas. Tuntutan plaintif disokong oleh sijil cuti sakit dan keterangan lisan dari majikan beliau. Oleh itu, HMT berhak untuk memberikan ganti rugi sebanyak RM10,000. HMT telah dengan betulnya mendapati tuntutan perbelanjaan perubatan disokong oleh eksibit-eksibit dan tiada sebab utuk jumlah ganti rugi khas yang dibenarkan HMT iaitu RM14,470 diubah. Mengenai ganti rugi teruk pula, HMT juga telah dengan betulnya menolak ganti rugi ini. Adalah didapati kejadian yang menimpa plaintif bukanlah sesuatu yang dirancang untuk mencederakan perasaan plaintif. Defendan pertama tidak mengenali plaintif. Tidak ada keterangan apakah motif defendan pertama menembak plaintif. HMT dengan betul juga mendapati plaintif tidak boleh mengaut keuntungan dari tindakan tidak berperikemanusiaan defendan pertama (lihat perenggan 45, 49 & 51–55).

(5) **(oleh Gunalan Muniandy HMR, menentang)** Bagi prinsip liabiliti

vikarius yang akan digunakan terhadap perayu sebagai majikan pelaku tort (D1), harus ada penemuan khusus oleh mahkamah bicara bahawa D1 telah melakukan perbuatan salah dalam bidang undang-undang tort walaupun, seperti yang didedahkan oleh keterangan, dia mungkin telah melakukan perbuatan jenayah berat. Responden nampaknya telah membuat kesimpulan sendiri bahawa perbuatan salah D1 pada hari berkenaan adalah perbuatan yang menyalahi undang-undang di bawah undang-undang tort. Tidak ada sebarang permohonan mengenai kesalahan tort yang telah dilakukan oleh D1 untuk permohonan liabiliti vikarius, yang semata-mata merupakan konsep tort, untuk dipertahankan. Sekadar menyifatkan perbuatan itu sebagai satu perbuatan yang salah tanpa memohon apakah perbuatan tort yang mana majikan harus menanggung liabiliti adalah tidak memadai (lihat perenggan 59 & 65).

(6) **(oleh Gunalan Muniandy HMR, menentang)** Perbuatan jenayah D1 tidak ada kaitan sama sekali dengan menjalankan tugas atau perbuatan yang diberi kuasa oleh majikannya semasa bekerja. Begitu juga, perbuatannya melangkaui tindakan yang dibenarkan oleh majikannya atau secara nyata di luar jangkaan atau ramalan majikan. Ia juga jelas bahawa perbuatan itu tidak boleh dipertimbangkan secara logik dalam kuasa tersirat yang diberikan kepada D1 oleh D2. HMT telah gagal untuk menghargai fakta material yang sepatutnya diambil kira dalam menentukan sama ada liabiliti vikarius akan timbul terhadap D2. Perbuatan D1 melakukan aksi menembak terhadap pihak ketiga yang tidak mempunyai kaitan apa-apa dengan apa yang dia bekerja, iaitu untuk menyediakan perkhidmatan pengawal peribadi kepada pelanggan tertentu, tidak boleh dianggap, dengan apa-apa bahasa, ketika dalam perkhidmatan pekerjaan dan untuk perniagaan majikan (D2) (lihat perenggan 78–79 & 86).

(7) **(oleh Gunalan Muniandy HMR, menentang)** Keputusan HMT untuk memutuskan D2 bertanggungjawab secara vikarius adalah jelas tidak betul kerana ia melanjutkan liabiliti majikan untuk tindakan pekerja yang tidak berkaitan dan tidak wajar yang melebihi parameter dan had yang diiktiraf liabiliti tersebut. Oleh itu, HMT telah membuat penemuan mengenai liabiliti D2 yang jelas salah pada prinsipnya dengan menggunakan pendekatan yang salah dan menggunakan ujian yang telah ditetapkan secara tidak betul seperti yang dirujuk dalam penentuan liabiliti majikan untuk perbuatan kakitangannya yang tidak dapat dinafikan bertentangan dengan perniagaan majikan (lihat perenggan 87–88).

[English summary

The first defendant was a worker hired or employed by the appellant ('the second defendant') based on a service contract between them. The second

defendant had assigned the first defendant as a personal security guard to an individual known as Dato' Ong Teik Kwang. To enable the first defendant to carry out his duties, the second defendant supplied the first defendant with an automatic pistol. On 1 December 2016, the first defendant used the gun and shot Dato' Ong Teik Kwang dead in a car. After that, the first defendant got out of the car and opened fire on civilians who were passing through the Tun Dr Lim Chong Eu Highway in Penang, causing two people to die and four people to be seriously injured. The respondent ('plaintiff') was riding a motorcycle with his friend as a pillion rider at the scene of the incident and he saw an incident like a road accident. The plaintiff got off his motorcycle and approached an individual who was suspected of being a victim of a road accident as his body was covered in blood. The victim was sitting on the road. The first defendant was standing facing the victim. The plaintiff had asked the first defendant what had happened. Suddenly, the first defendant took out a firearm and fired one shot into the plaintiff's chest. The plaintiff fell on the road and was seriously injured. The first defendant was arrested by the police and charged with murder and attempted murder. The plaintiff who suffered injuries and damages as a result of being shot by the first defendant said the second defendant as the first defendant's employer was vicariously liable for the wrongdoing of the first defendant. The plaintiff claimed general and special damages against the second defendant. The second defendant denied liability. At the material time, the second defendant contracted with a company North Metal Sdn Bhd ('North Metal') to provide bodyguard services. The first defendant, as a certified bodyguard was handpicked by North Metal to work with them. North Metal itself had specifically designated the first defendant as a bodyguard to the individuals it designated. The High Court judge ('HCJ') had allowed the plaintiff's claim against the second defendant. Hence, this appeal by the appellant.

Held, dismissing the appeal:

(1) **(per Abu Bakar Jais JCA, majority)** When the first defendant refused to give any evidence in the High Court, despite being given the opportunity to do so, the HMT had correctly accepted the testimony of the plaintiff and the investigating officer that the plaintiff had been shot by the first defendant. The second defendant was the first defendant's employer and had paid the first defendant's wages. The second defendant had also supplied the pistol to the first defendant. Accordingly, it was incorrect that the second defendant's duty of care had been transferred or delegated to North Metal. Therefore, the second defendant should not be exempted from being vicariously liable for the first defendant's act of shooting the plaintiff (see paras 31 & 33).

(2) **(per Abu Bakar Jais JCA, majority)** Although no order was made by the High Court against the first defendant and the plaintiff himself did not apply for any order against the first defendant, this did not mean that the

second defendant could not be found vicariously liable. It was also wrong to argue that no liability could be transferred from the first defendant to the second defendant. Liability was not transferred from the first defendant to the second defendant. Vicarious liability against the second defendant indeed existed when it was proven that the first defendant's wrongdoing was that of shooting the plaintiff. The first defendant worked for the second defendant. Therefore, the first defendant was not an independent contractor. It could not be said that the first defendant's act of shooting the plaintiff was beyond the scope of his duties. Indeed, the first defendant was not ordered to shoot the plaintiff but the act of shooting was closely related to his work for which the gun was supplied. Nor could it be said that there was no vicarious liability because the first defendant acted in a 'frolic of his own'. This was because the plaintiff's shooting was related to the first defendant's duties and he used a gun supplied to him by the second defendant. It was incorrect to argue that the second defendant's duty of care and responsibility was only towards the first defendant's selection for their customers and not the first defendant's selection for the public. This was not directly consistent with the concept or law of vicarious liability. Even if it was true that the second defendant was careful when contracting with the first defendant, this did not mean that vicarious liability could not be imposed on the second defendant. The argument that the Security and Public Order Division at the Ministry of Home Affairs had found that the second defendant did not commit any wrongdoing in the shooting incident of the plaintiff could not help the second defendant. This was because the Division did not consider whether the second defendant was vicariously liable or not (see paras 35–42).

(3) **(per Abu Bakar Jais JCA, majority)** There was no contributory negligence simply because the plaintiff had asked what had happened. The plaintiff at that time did not know that the first defendant had shot several people and the action of the plaintiff asking what had happened was a normal act that could be done by the public concerned about an incident that happened. The HMT had correctly found the second defendant vicariously liable for the acts of the first defendant for having breached the duty of care towards the plaintiff and the public (see paras 43–44).

(4) **(per Abu Bakar Jais JCA, majority)** The HMT was correct in determining the amount of damages to be paid by the second defendant. As for general damages for bodily injury, the findings of fact by the HMT should not be disturbed. The HMT had correctly allowed a reasonable compensation according to him which was RM40,000. As for post-traumatic stress disorder, the HMT was entitled to give a reasonable amount of compensation in his opinion, which was RM30,000. The HMT also correctly awarded special damages. The plaintiff's claim was

supported by a sick leave certificate and oral evidence from his employer. Therefore, the HMT was entitled to provide damages amounting to RM10,000. The HMT had correctly found that the medical expenses claim was supported by the exhibits and there was no reason for the amount of special damages allowed by the HMT which was RM14,470 to be changed. As for severe damages, the HMT had also correctly rejected these damages. It was found that the incident that happened to the plaintiff was not something planned to hurt the plaintiff. The first defendant did not know the plaintiff. There was no evidence as to what the first defendant's motive was for shooting the plaintiff. The HMT also correctly found that the plaintiff could not profit from the first defendant's inhumane actions (see paras 45, 49 & 51–55).

(5) **(per Gunalan Muniandy JCA, dissenting)** For the principle of vicarious liability to be invoked against the appellant as the employer of the tortfeasor (D1), there must be a specific finding by the trial court that D1 had committed a wrongful act within the realm of the law of torts notwithstanding that, as the evidence disclosed, he may have committed a grave criminal act. The respondent appeared to have made his own conclusion that D1's wrongful act on the day in question was an unlawful act under the law of torts. There was no plea whatsoever of the tortious wrong that D1 had committed for the plea of vicarious liability, which was purely a tortious concept, to be sustainable. Merely describing the act as a wrongful act without pleading what was the tortious act for which that employer should bear liability would not suffice (see paras 59 & 65).

(6) **(per Gunalan Muniandy JCA, dissenting)** D1's criminal acts had no connection whatsoever to carrying out his duties or acts authorised by his employer in the course of employment. Likewise, his acts went far beyond acts authorised by his employer or were manifestly beyond the employer's foreseeability or anticipation. It was similarly obvious that the acts could not logically to be considered within the implied authority granted to D1 by D2. The HCJ had failed to judicially appreciate the material facts that she should had necessarily taken into account in the determination of whether vicarious liability would arise against D2. D1's act in going on a shooting spree at third parties who had no connection whatsoever with what he was employed to do, ie to provide personal bodyguard service to a specific client, could not be considered, by any stretch of language, to be in the course of the employment and for the business of the employer (D2) (see paras 78–79 & 86).

(7) **(per Gunalan Muniandy JCA, dissenting)** The HCJ's decision to hold D2 vicariously liable was plainly incorrect as it extended the employer's liability for an unconnected and unwarranted act of an employee beyond the recognised parameters and limits of that liability. Therefore, the HCJ had come to a finding on D2's liability that was plainly wrong in principle

by adopting an erroneous approach and incorrectly applying the established test as alluded to in the determination of an employer's liability for an act of his servant that was indisputably contrary to the former's business (see paras 87–88).]

Kes-kes yang dirujuk

Bernard v Attorney General [2005] 2 LRC 561, PC (dirujuk)
Bohjaraj a/l Kasinathan v Nagarajan a/l Verappan & Anor [2001] 6 MLJ 497; [2001] 3 AMR 3260, MT (dirujuk)
Dr Yusuff bin Hj Mansur v Changkat Jering Sdn Bhd & Anor [1997] 5 MLJ 530; [1997] 3 CLJ Supp 211, MT (dirujuk)
Hilton v Thomas Burton (Rhodes) Ltd and another [1961] 1 WLR 705 (dirujuk)
Keppel Bus Company Ltd v Sa'ad bin Ahmad [1974] 1 MLJ 191, PC (dirujuk)
Lister and others v Hesley Hall Ltd [2001] 2 All ER 769, HL (dirujuk)
Loo Chooi Gaik v Dr Loh Lay Soon [2018] 1 LNS 2146, MR (dirujuk)
Maha Devi a/p Elia Perumal & Anor v Muhammad Zawawi bin Zabidi & Anor [2016] 1 PIR 53 (dirujuk)
Mohd Noorusallam bin Md Saad v Jamaluddin bin Desa [2016] 1 PIR 42 (dirujuk)
Mohd Saiful Basri bin Saffie v Amran bin Ismail & Anor [2016] 1 PIR 9 (dirujuk)
Roshairee bin Abdul Wahab v Mejar Mustafa bin Omar & Ors [1996] 3 MLJ 337, MT (dirujuk)
Samin bin Hassan v Government of Malaysia [1976] 2 MLJ 211, MP (dirujuk)
Takako Sakao (f) v Ng Pek Yuen (f) & Anor [2009] 6 MLJ 751; [2010] 1 CLJ 381, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Keseksaan s 302

Rayuan daripada: Guaman Sivil No PA-23NCvC-20–06 Tahun 2018 (Mahkamah Tinggi Malaya, Pulau Pinang)

Mohamad Nor Azam Rashid bin Zainol Rashid (Samry bin Masri bersamanya) (Azam Rashid & Co) bagi pihak perayu.
Simon Murali (Kok Yuen Lin bersamanya) (Simon Murali & Co) bagi pihak reponden.

Abu Bakar Jais HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah majoriti):

PENGENALAN

[1] Ini adalah rayuan oleh perayu terhadap keputusan yang diberikan oleh Mahkamah Tinggi. Perayu merupakan defendan kedua di Mahkamah Tinggi.

Selepas ini perayu akan dirujuk sebagai defendan kedua dan pihak-pihak lain dirujuk sebagaimana mereka dirujuk di Mahkamah Tinggi.

[2] Di Mahkamah Tinggi, defendan pertama telah enggan memberikan apa-apa keterangan walaupun telah diberikan peluang berbuat demikian.

LATAR BELAKANG FAKTA

[3] Mengenai latar belakang kes, tiada sebab untuk tidak bersetuju dengan fakta ringkas yang telah dinyatakan oleh hakim Mahkamah Tinggi ('HMT') seperti di bawah.

[4] Defendan pertama ialah pekerja yang diupah atau digajikan oleh defendan kedua berdasarkan kontrak perkhidmatan antara mereka.

[5] Defendan kedua telah menugaskan defendan pertama sebagai pengawal keselamatan peribadi kepada seorang individu yang dikenali sebagai Dato' Ong Teik Kwang. Untuk membolehkan defendan pertama melaksanakan tugasnya, defendan kedua telah membekalkan kepada defendan pertama dengan sepucuk pistol automatik jenis 'Glock'. Pada masa yang material, defendan kedua adalah pemilik berdaftar dan pemegang lesen bagi pistol tersebut.

[6] Pada 1 Disember 2016 defendan pertama telah menggunakan pistol ini untuk menembak plaintif. Pada tarikh tersebut, lebih kurang beberapa minit sebelum kejadian yang menimpa plaintif berlaku, defendan pertama berada di dalam kereta jenis BMW dengan nombor pendaftaran PWF 11 ('kereta tersebut') yang dipandu oleh Dato' Ong Teik Kwang sendiri.

[7] Defendan pertama telah menggunakan pistol tersebut dan menembak mati Dato' Ong Teik Kwang. Selepas itu, defendan pertama telah turun dari kereta tersebut sambil melepaskan tembakan terhadap orang-orang awam yang melalui Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu di Pulau Pinang dan menyebabkan dua orang individu telah meninggal dunia dan empat orang cedera parah. Kesemuanya, defendan pertama melepaskan 17 das tembakan dalam masa lima minit.

[8] Dua individu yang meninggal dunia ialah:

(a) Senthill Murugiah (No K/P: 780515–75–5059); dan

(b) Choi Hon Ming (No K/P: 840221–07–5391)

[9] Empat mangsa yang cedera parah ialah:

(a) Lee Hong Boon (No K/P: 600807–07–5513);

(b) Nurul Huda bt Abdul Aziz (No K/P: 831220–07–5352);

(c) Dr Arivarni Krishnan (No K/P: 831220–07–5686); dan

(d) Lim Boon Leng (No K/P: 840625–14–6205).

[10] Pada tarikh tersebut, lebih kurang pukul 7.15 malam, semasa plaintif sedang menunggang motosikal dengan rakannya sebagai pembonceng di Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu menghala ke Jambatan Pulau Pinang, beliau ternampak satu kejadian seperti kemalangan jalanraya.

[11] Plaintif turun dari motosikalnya dan mendekati seorang individu yang disangka sebagai mangsa kemalangan jalanraya memandangkan badannya berlumuran darah. Mangsa tersebut berada dalam keadaan duduk di atas jalanraya. Defendan pertama sedang berdiri berhadapan dengan mangsa.

[12] Plaintif telah bertanya kepada defendan pertama apa yang telah berlaku. Defendan pertama telah membalas dengan berkata 'Hang nak apa?'.

[13] Tiba-tiba, defendan pertama telah mengeluarkan senjata api lalu melepaskan satu das tembakan ke bahagian dada plaintif. Plaintif jatuh di atas jalan dan mengalami cedera parah.

[14] Defendan pertama telah ditangkap oleh polis dan telah dituduh dengan kesalahan membunuh dan cubaan membunuh.

TUNTUTAN PLAINTIF DAN PEMBELAAN DEFENDAN KEDUA

[15] Juga, tiada sebab untuk mempertikaikan tuntutan plaintif dan pembelaan defendan kedua secara ringkas seperti yang didapati oleh HMT. Diturunkan dibawah tuntutan plaintif dan pembelaan defendan kedua tersebut.

[16] Plaintif yang mengalami kecederaan dan kerugian akibat ditembak oleh defendan pertama mengatakan defendan kedua sebagai majikan defendan pertama adalah bertanggungan secara vikarius terhadap perbuatan salah defendan pertama. Plaintif menuntut ganti rugi am dan khas terhadap defendan kedua.

[17] Defendan kedua pula menafikan liabiliti dan membangkitkan antara lainnya pembelaan berikut:

(a) perbuatan defendan pertama menembak plaintif bukanlah skop pekerjaan defendan pertama;

A (b) plaintif sendiri cuai bila mendekati defendan pertama; dan

(c) tanggungjawab berhati-hati defendan kedua telah berpindah atau diwakilkan kepada syarikat North Metal Industrial Sdn Bhd.

B **[18]** Pada masa yang material juga, defendan kedua telah berkontrak dengan sebuah syarikat yang dikenali sebagai North Metal Sdn Bhd ('North Metal') untuk menyediakan perkhidmatan pengawal peribadi.

[19] Defendan pertama, sebagai pengawal peribadi yang bertauliah telah C dipilih sendiri oleh North Metal untuk bertugas dengan mereka.

[20] North Metal sendiri yang telah secara khusus menetapkan defendan pertama sebagai pengawal peribadi kepada individu yang ditetapkannya.

D **[21]** Tugas untuk berhati-hati defendan kedua telah diwakilkan dan/atau berpindah (*delegable*) kepada North Metal.

[22] Defendan kedua juga membuat pembelaan bahawa plaintif telah gagal E bertindak secara munasabah untuk melindungi dirinya apabila turun dari motosikal dan mendekati defendan pertama walaupun beliau sedia maklum dan sedar keadaan yang berlaku.

[23] Senjata api juga telah dibekalkan kepada defendan pertama selepas F defendan pertama:

(a) lulus Tapisan Keselamatan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN);

(b) lulus ujian air kencing dan lulus sesi temuduga dengan Polis Diraja Malaysia;

G (c) mendapat surat kebenaran membawa dan menggunakan senjata api dan peluru dari Polis Diraja Malaysia; dan

(d) menjalani latihan menembak untuk dibekalkan dan membawa senjata tersebut.

H **[24]** Pembelaan lain ialah defendan kedua tidak pernah mengarahkan dan/atau membenarkan defendan pertama untuk melepaskan tembakan terhadap orang awam atau plaintif secara khususnya. Kejadian tembak adalah perbuatan salah laku oleh defendan pertama sendiri yang bertentangan dengan I skop tugasnya.

[25] Kecederaan yang dialami oleh plaintif bukanlah berlaku semasa defendan pertama menjalankan kerja-kerjanya dan/atau di dalam skop pekerjaan defendan pertama.

[26] Defendan kedua telah mematuhi segala peraturan, syarat-syarat serta arahan yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia dan dengan itu, defendan kedua tidak bertanggungan terhadap tuntutan plaintif.

KEPUTUSAN HMT

[27] HMT telah membenarkan tuntutan plaintif terhadap defendan kedua dan menyatakan bahawa liabiliti vikarius bermaksud seseorang majikan itu akan bertanggungan untuk perbuatan pekerjanya yang dilakukan semasa menjalankan pekerjaannya. Liabiliti tersebut menurut HMT timbul dalam keadaan berikut:

(a) perbuatan salah yang dilakukan tidak dibenarkan oleh majikan; dan

(b) perbuatan salah yang dilakukan tidak dibenarkan oleh majikan, tetapi perbuatan salah itu adalah berkait rapat (*are so connected*) dengan perbuatan salah yang dibenarkan.

[28] HMT telah merujuk kepada kes *Roshairee bin Abdul Wahab v Mejar Mustafa bin Omar & Ors* [1996] 3 MLJ 337; *Bohjaraj a/l Kasinathan v Nagarajan a/l Verappan & Anor* [2001] 6 MLJ 497; [2001] 3 AMR 3260; dan *Lister and others v Hesley Hall Ltd* [2001] 2 All ER 769.

[29] HMT juga menyatakan ujian yang digunapakai untuk menentukan liabiliti vikarius ialah perbuatan salah yang dilakukan oleh seseorang pekerja itu mestilah berkaitan dengan jenis pekerjaannya.

[30] Menerimapakai prinsip undang-undang yang dinyatakan dalam kes-kes di atas, HMT telah memutuskan bahawa defendan kedua adalah bertanggungan secara vikarius untuk perbuatan salah yang dilakukan oleh defendan pertama terhadap plaintif. Dalam mencapai keputusan tersebut, HMT mengambilkira fakta-fakta berikut:

(a) defenden kedua menjalankan perniagaan menyediakan perkhidmatan pengawal peribadi bersenjata; dan

(b) defendan kedua adalah pemilik berdaftar senjata api.

KEPUTUSAN MAHKAMAH INI

[31] Apabila defendan pertama enggan memberikan apa-apa keterangan di Mahkamah Tinggi, walaupun diberikan peluang untuk berbuat demikian, HMT telah dengan betul menerima keterangan plaintif dan pegawai penyiasat (PW3) bahawa plaintif telah ditembak oleh defendan pertama. Juga berdasarkan kes *Takako Sakao (f) v Ng Pek Yuen (f) & Anor* [2009] 6 MLJ 751; [2010] 1 CLJ 381 yang dirujuk oleh HMT, jika keterangan diberikan

sekali pun oleh defendan pertama, ia akan menguatkan lagi kes plaintif. Perbuatan defendan pertama menembak plaintif adalah satu yang salah. Ini merupakan dapatan HMT seperti yang dinyatakan beliau di ms 12 alasan bertulis beliau. Perbuatan ini juga adalah berkait rapat dengan tugas defendan pertama sebagai pengawal keselamatan peribadi kerana dia disediakan pistol oleh defendan kedua. Defendan kedua semestinya bertanggungan secara vikarius kerana apa yang disebutkan di dalam kes Privy Council, *Bernard v Attorney General* [2005] 2 LRC 561 seperti berikut:

> The correct approach was to concentrate on the relative closeness of the connection between the nature of the employment and the particular tort and to ask whether, looking at the matter in the round, it was just and reasonable to hold the employer vicariously liable. A relevant factor was the risks to others created by an employer who entrusted duties, tasks and functions to an employee.

[32] HMT juga telah dengan betulnya menyatakan defendan kedua bertanggungan secara vikarius dengan merujuk kepada kes *Lister and others v Hesley Hall Ltd* [2001] 2 All ER 769 yang menyatakan seperti berikut:

> ... Just as an employer may be vicariously liable for deliberate and criminal conduct on the part of his employee, so he may be vicariously liable for acts of the employee which he has expressly forbidden him to do. So it is no answer to say that an employee was guilty of intentional wrongdoing, or that his act was not merely tortious but criminal, or that he was acting exclusively for his own benefit, or that he was acting contrary to express instructions, or that his conduct was the very negation of his employer's duty.

[33] Tidak boleh dikatakan juga bahawa defendan kedua tidak bertanggunggan secara vikarius semata-semata kerana North Metal yang telah memilih defendan pertama untuk ditempatkan bekerja dengan defendan kedua. Hakikatnya defendan kedua merupakan majikan defendan pertama dan telah membayar gaji defendan pertama. Defendan kedua juga telah membekalkan pistol tersebut kepada defendan pertama. Dengan itu, tidak benar bahawa tanggungjawab berhati-hati defendan kedua telah berpindah atau diwakilkan kepada North Metal. Oleh itu, defendan kedua tidak seharusnya terlepas dari bertanggungan secara vikarius kerana perbuatan defendan pertama menembak plaintif.

[34] Di peringkat ini pula, akan disentuh tiap-tiap perkara yang dibangkitkan dalam memorandum rayuan dan dapatan rayuan adalah seperti dinyatakan di bawah. Walaupun begitu ada perkara yang bertindih disebut dalam memorandum rayuan tersebut ('duplication'). Jadi, perkara yang bertindih, akan hanya dirujuk sekali saja.

[35] Pertamanya, walaupun tiada perintah dibuat oleh Mahkamah Tinggi terhadap defendan pertama dan plaintif sendiri tidak memohon apa-apa

perintah terhadap defendan pertama, ini tidak bermakna defendan kedua tidak boleh didapati bertanggungan secara vikarius. Ini kerana hakikatnya perbuatan salah, iaitu menembak plaintif telah dibuktikan dilakukan oleh defendan pertama terhadap plaintif. Oleh yang demikian, defendan kedua boleh didapati bertanggungan secara vikarius terhadap perbuatan salah defendan pertama.

[36] Juga adalah salah untuk dihujahkan bahawa tiada tanggungan boleh dipindahkan dari defendan pertama ke defendan kedua. Tidak timbul isu liabiliti dipindahkan dari defendan pertama kepada defendan kedua. Tanggungan liabiliti bukan dipindahkan dari defendan pertama ke defendan kedua. Tanggungan liabiliti secara vikarius terhadap defendan kedua sememangnya wujud apabila dibuktikan perbuatan salah defendan pertama iaitu menembak plaintif. Tanggungan vikarius ini wujud tanpa perlu didapati defendan pertama juga didapati bertanggungan.

